

CNS5726

R GB 11-06 . 00156 BA825

BAH

Mahathir - Perlembagaan

KERAJAAN CADANG BEBERAPA PINDAAN PERLEMBAGAAN JULAI INI

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Kerajaan bercadang membuat beberapa pindaan kepada perlembagaan persekutuan pada persidangan Dewan Rakyat bulan depan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Katanva, satu daripada cadangan pindaan itu ialah berhubung peruntukan yang menvebut bahawa seorang Anggota Dewan Undangan Negeri yang dilantik sebagai menteri perlu berhenti daripada menjadi anggota dewan undangan negeri sedangkan seorang Ketua Menteri dibolehkan menjadi Anggota Parlimen.

"Pindaan dalam perkara itu perlu badi membetulkan keadaan yang tidak seimbang dalam hal berkenaan," katanva pada persidangan akhbar selepas membengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO, di sini.

Katanva, satu lagi pindaan ialah mengenai pilihan raya kecil yang kadang-kadang terpaksa diadakan seurus sebelum sesuatu pilihan raya umum.

Dr Mahathir berkata: "Kita hendak tentukan iaitu dua tahun daripada tarikh terakhir pilihan raya boleh diadakan, tidak ada pilihan raya kecil."
-- Lagi.

♥11/06/15-48MST

CNS5730

R GB 11-06 00148 BA826

BAH

Mahathir - Perlembagaan 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata bahawa parti itu bercadang mengadakan Seminar Pendidikan dan Pembangunan Tenaga Manusia untuk meningkatkan mutu pendidikan dan pembangunan tenaga manusia di kalangan bumiputera.

Empat orang anggota Majlis Tertinggi UMNO telah dilantik untuk menguruskan seminar itu iaitu Pengerusi Koperasi Usaha Bersatu (KUB) Encik Hassan Harun, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr Ibrahim Saad, Timbalan Menteri Kewangan, Encik Abdul Ghani Othman dan Timbalan Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Beliau berkata, seminar itu perlu diadakan kerana UMNO khuatir terhadap pencapaian pendidikan dan pembangunan tenaga manusia bumiputera yang walaupun mencapai kejayaan tetapi belum memuaskan berbanding dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat kini.

Katanva, ia juga untuk mengenal pasti sama ada sistem pendidikan di institusi-institusi pendidikan swasta seragam atau tidak terutamanya di kalangan institusi yang diminati bumiputera. -- Lagi.

♥11/06/15-52MST

CNS5731

R GB 11-06 00102 BA827

BAH

Mahathir - Perlembagaan 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau berharap keputusan seminar itu dapat digunakan untuk membantu kerajaan meningkatkan mutu pendidikan dan pembangunan tenaga manusia.

Mengenai masalah pembayaran yuran anggota UMNO, beliau berkata, pihaknya telah memutuskan semua cawangan mesti menerima yuran keanggotaan UMNO.

Dengan itu, katanya, tidak boleh ada halangan terhadap anggota UMNO yang telah membayar yuran untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat agung di peringkat cawangan.

Mengenai penghantaran anggota tentera Malaysia ke Somalia, beliau menegaskan bahawa Malaysia tetap akan berbuat demikian walaupun keadaan di sana dilaporkan tidak selamat. -- Bernama.

RM KAM.

♥11/06/15-53MST